

# TIDAK MUSTAHIL MELAYU AKAN JADI KUAT — PM

Oleh Mat Piah  
Teh Deris

**K**ANGAR 28 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini yakin bahawa tidak mustahil orang-orang Melayu di negara ini akan menjadi satu bangsa yang kuat dan tidak perlu kepada bantuan-bantuan dari kerajaan pada satu hari nanti.

“Bagaimanapun sebelum kejayaan itu dicapai, UMNO mesti mempertingkatkan perpaduan demi bagi menjaga kepentingan politik orang-orang Melayu, tegas Perdana Menteri.

Menurutnya, perkara ini boleh dicapai sekiranya orang-orang Melayu mengubah sikap yang tidak begitu mendatangkan faedah kepada sikap rajin bekerja dan berusaha.

Berucap merasmikan persidangan perwakilan bersama UMNO bahagian Kangar dan Arau di Dewan Sekolah Menengah Derma di sini, Perdana Menteri menegaskan bahawa sikap atau

(P) MIA 28 MEI 1983  
dasar pandang ke Timur ialah untuk membina satu bangsa yang tegas dan tegap yang boleh melawan segala cabaran.

Ia juga boleh bertanding dengan sesiapa pun, sanggup berdikari, sanggup menghadapi semua cabaran dan boleh menjadi orang yang kukuh dan kuat,” tambah beliau.

Mengulas sikap orang-orang Melayu selama ini yang suka meminta pertolongan dari kerajaan, beliau khuatir orang-orang Melayu akan menjadi orang yang lemah dan tidak boleh bertanding dengan orang-orang lain.

Perdana Menteri sebaliknya menyebut kerajaan boleh memberi bantuan tetapi akhirnya kejayaan ditentukan oleh usaha sendiri dan “kalau kita tak berusaha, kita tak akan capai kejayaan.”

“Dan kalau kita tidak berusaha, pada kemudian hari amatlah sukar kerana kita tak mampu lagi hingga menjadi lumpuh.” ujar beliau.

Sebagai contoh beliau menyebut

kalau seseorang itu berniaga ia sanggup berniaga tanpa pertolongan dari kerajaan ataupun pihak-pihak lain yang lebih baik daripada orang yang selalunya bergantung kepada orang lain.

Katanya: “Kita hendak supaya bangsa kita ini berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan lain-lain kaum di negara kita ini.”

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan bahawa kerajaan hari ini memang boleh menolong orang-orang Melayu berdiri, dan buat kerusi untuk kita tapi, mungkin satu hari nanti kita tidak ada kerajaan yang bersimpati dengan kita ataupun kita terpaksa berhijrah ke tempat-tempat lain yang tidak ada kerajaan yang bersimpati dengan kita.”

“Pada ketika itu kita akan gagal selama-lamanya,” tegas Perdana Menteri.

“Sebab itulah kita mesti ubah sikap yang tidak begitu mendatangkan faedah kepada sikap rajin bekerja seperti orang-orang Jepun dan Korea,” tambahnya.

Dalam ucapannya Datuk Sri Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO berulang kali menekankan betapa pentingnya perpaduan di dalam UMNO di samping orang-orang Melayu mesti mengubah sikap sesuai dengan perubahan-perubahan yang ada.

## Rajin

Beliau juga mengingatkan bahawa ahli-ahli UMNO yang bersemangat kebangsaan atau nasionalis supaya tidak digunakan untuk malas bekerja.

Mengenai dasar pandang ke Timur, beliau mengulangi penjelasannya bahawa dasar tersebut tidak sama untuk membawa rakyat negara ini menjadi penganut agama Buddha atau agama-agama yang lain.

Tegasnya, dasar pandang ke Timur sebaliknya mempunyai nilai-nilai baik dan sikap rajin bekerja yang perlu dicontohi yang terdapat pada orang-orang Jepun dan Korea.